

31/05/2000

Lindungi Proton (HL)

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pembukaan industri automotif mengikut strategi Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), perlu dikaji semula kerana ia boleh meninggalkan kesan buruk kepada pengeluar kereta nasional, Proton.

Perdana Menteri berkata, negara seperti Malaysia sudahpun memikirkan dua kali mengenai membuka pasaran mereka di bawah Afta, kerana pengeluar automotif boleh memasuki negara Asean lain dan mendirikan kilang untuk mengeluarkan kereta.

"Bolehkah kita tangguhkan sedikit (membuka) industri automotif kerana kita melihat orang memasuki negara Asean lain dan mendirikan kilang untuk mengeluarkan kereta serta menamakannya produk negara itu.

"Mereka ini menikmati keistimewaan mengeksport ke negara Asean lain dengan membayar cukai sedikit dan bersaing dengan pengeluar kereta seperti Proton," katanya ketika sesi soal jawab dengan peserta Sidang Kemuncak Perniagaan Eropah-Asia 2000, di Hotel Hilton di sini hari ini.

Sidang kemuncak dua hari yang dianjurkan Yayasan Global Panel, HIS Malaysia dan Kumpulan Utusan itu bertemakan 'Membentuk Semula Hubungan Perniagaan Eropah-Asia Tenggara: Keadaan Baru, Pembentuk, Trend dan Peluang.'

Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM) di Yangon, Myanmar baru-baru ini meminta pemindahan Senarai Pengecualian Sementara (TEL) dan Senarai Kemasukan (IL) ditangguhkan kepada 1 Januari 2005.

Ini bermakna sektor automotif Malaysia hanya akan dibuka kepada pengeluar kereta di Asean mulai tahun 2005.

Dr Mahathir berkata, Proton berada dalam keadaan yang sukar kerana ia bukan sekadar pemasang kereta seperti syarikat lain, tetapi mengeluarkan keretanya sendiri.

"Ini menyebabkan Proton terpaksa membeli teknologi dan komponen yang menjadikan kos pengeluarannya lebih tinggi, manakala syarikat lain pula hanya memasang kereta yang sudah direka dan diuji di negara lain.

"Saya berpendapat ada penyelesaian mengenai perkara ini dan kita harus berbincang sama ada pembahagian kerja boleh dilakukan yang mana sesetengah negara mengeluarkan barangan tertentu, manakala negara lain mengeluarkan barangan lain pula," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, pemodal teroka tempatan seharusnya berani mengambil risiko dan melabur dalam syarikat baru Internet yang amat memerlukan pembiayaan.

Katanya, syarikat Internet baru juga tidak boleh mendapatkan pinjaman dari bank 'konservatif' yang agak keberatan menyalurkan pinjaman kepada syarikat baru.

Sambil menyifatkan kerajaan hanya mampu meminta bank menyediakan lebih banyak dana, Dr Mahathir berkata, pemodal teroka di Amerika Syarikat berjaya kerana mereka sedia menanggung risiko.

(END)